

Kawalan longgar punca Sabah jadi transit dagang migran

BH 02.03.2012 4

KOTA KINABALU: Kawalan keselamatan di kawasan sempadan yang longgar selain pembangunan pelbagai projek mega di Sabah antara faktor penarik yang dipercayai mendorong sindiket pemerdagangan orang dan penyeludupan migran menjadikan negeri ini destinasi atau transit kegiatan itu.

Pegawai Cawangan Kongsi Gelap, Maksiat dan Perjudian (D7) Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah, Inspektor Er Sheau Jia, berkata kedudukan geografi negeri ini berdekatan negara jiran dan kestabilan ekonomi serta politik turut menjadi faktor penarik.

"Pembangunan pesat mendorong ramai pekerja asing menjadikan Sabah destinasi mencari kerja.

"Setakat ini kira-kira



*Setakat ini kira-kira
800,000 pekerja migran
direkodkan bekerja
dalam pelbagai sektor
di Sabah 99*

Er Sheau Jia
Pegawai D7 IPK Sabah

800,000 pekerja migran direkodkan bekerja dalam pelbagai sektor di negeri ini. Selain datang secara sah, ada juga dibawa sindiket pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

"Kebanyakan mangsa berasal dari Filipina dan Indonesia. Keadaan ekonomi dan politik yang kurang memberangsangkan di negara asal antara faktor mendorong mereka terjebak dengan sindiket itu selain ada juga secara sukarela berhijrah kerana mahu mencari kehidupan baru," kata pada Seminar Kempen Kesedaran Mengenai Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran di Universiti Malaysia Sabah (UMS), semalam.

Berdasarkan statistik, 33 mangsa pemerdagangan dan penyeludupan migran diselamatkan pada 2009.

Seramai 100 mangsa diselamatkan pada 2010 menerusi 11 serbuan dan 29 tangkapan, manakala 42 lagi diselamatkan hasil 10 serbuan dan 85 tangkapan di seluruh negeri ini, tahun lalu.

Katanya, sindiket menjadikan kemiskinan serta pendidikan mangsa yang rendah selain ekonomi dan politik Sabah yang stabil sebagai cara mendapatkan untung mudah bagi memenuhi permintaan pasaran.